



Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)
(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Allianz Travel Care (Domestik)

Polisi

Jadual Manfaat - Domestik

Manfaat		Pelan (RM)			
		Dewasa	Warga Emas	Kanak-Kanak	*Keluarga
		Dewasa Tahunan		Kanak-kanak tahunan	
(A) Manfaat Kemalangan Diri					
Seksyen 1	1	Kematian akibat Kemalangan, atau	250,000	125,000	750,000
	2	Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan (sehingga)			
	3	Perbelanjaan Pengebumian (sekaligus)	2,500	2,500	5,000
(B) Manfaat Berkaitan Perubatan (disebabkan oleh kemalangan sahaja)					
Seksyen 2	1	Perbelanjaan Perubatan (sehingga)	25,000	12,500	75,000
		Perubatan Alternatif tertakluk kepada sub-had RM500			
Seksyen 3	1	Pemindahan Perubatan Kecemasan (sehingga)	10,000,000	10,000,000	10,000,000
	2	Repatriasi Rawatan Kecemasan (sehingga)			
	3	Repatriasi Jenazah (sehingga)			
	4	Rawatan susulan (sehingga) (maksima 45 hari)	6,000	3,000	20,000
	Perubatan Alternatif tertakluk kepada sub-had RM500				
	5	Pendapatan Hospital	100 sehari sehingga 3,000	50 sehari sehingga 1,500	260 sehari sehingga 8,000
	6	Lawatan Ihsan (disebabkan kecederaan atau kematian Orang Yang Diinsuranskan) (sehingga)	2,000	2,000	4,000
7	Penghantaran Ubat-ubatan (sehingga)	2,000	2,000	2,000	
(C) Manfaat Kesulitan Perjalanan					
Seksyen 4	1	Pembatalan Deposit atau Perjalanan (sehingga)	1,000	1,000	2,000
Seksyen 5	1	Pemendekan Perjalanan (sehingga)	1,000	1,000	2,000
Seksyen 6	1	Bagasi Peribadi atau Barangan Peribadi (sehingga)	500	500	750
			Tertakluk kepada had agregat RM300 untuk Peranti Pintar dan had RM100 setiap artikel bagi semua barangan lain		
Seksyen 7	1	Kelewatan Bagasi (min 6 jam)	100	100	200
Seksyen 8	1	Kelewatan Perjalanan	100 setiap 6 jam sehingga 1,500	100 setiap 6 jam sehingga 1,500	200 setiap 6 jam sehingga 2,500
Seksyen 9	1	Terlepas Perjalanan (sehingga)	400	400	1,200
Seksyen 10	1	Terlepas Sambungan Perjalanan	150	150	600
Seksyen 11	1	Tempahan Perjalanan Berlebihan	150	150	600
Seksyen 12	1	Kos Tambahan bagi Pemulangan Kereta Sewa/Campervan (sehingga)	500	500	Tidak Dilindungi 500
Seksyen 13	1	Liabiliti Peribadi (sehingga)	500,000	500,000	500,000
Seksyen 14	1	Rampasan (min 12 jam, sehingga 20 hari)	200 sehari	200 sehari	400 sehari
Seksyen 15	1	Wang Peribadi (sehingga)	300	300	900
Seksyen 16	1	Indemniti Kad Kredit/Kad Caj (sehingga)	500	500	Tidak Dilindungi 1,000
Seksyen 17	1	Hotel Haiwan Peliharaan (sehingga)	300	300	Tidak Dilindungi 300
Seksyen 18	1	Penjagaan Rumah (sehingga)	1,000	1,000	Tidak Dilindungi 1,000
Seksyen 19	1	Perlindungan Ekses Kereta Sewa (sehingga)	500	500	Tidak Dilindungi 500
Seksyen 20	1	Keganasan	Dilindungi		
(D) Sukan Tambahan – Rider Pilihan (dengan premium tambahan)					
Seksyen 21 (A)	1	Aktiviti Sukan	Ada	Tiada	Ada
Seksyen 21 (B)	1	Kerosakan Peralatan Sukan (sehingga)	300		300
(E) 24/7 Bantuan Perjalanan Domestik			Termasuk		

Nota: Di bawah *Pelan Keluarga, pembayaran setiap individu akan berdasarkan had di bawah Pelan Dewasa dan/atau Pelan Kanak-kanak, mengikut mana-mana yang berkenaan dan tertakluk kepada had maksima *Pelan Keluarga seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

Allianz Travel Care (Domestik)

Sebagai pertimbangan terhadap premium yang diterima, **Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (No. Syarikat 200601015674) (735426-V) ("Syarikat")** akan menanggung kerugian yang dialami **Anda** sekiranya mana-mana kejadian yang dilindungi di bawah **Polisi** ini berlaku semasa **Tempoh Insurans** seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di sini atau diendorskan di sini.

Bahagian 1 – Manfaat

Manfaat berikut akan dibayar untuk setiap **Perjalanan/Lawatan** sehingga jumlah maksimum Jumlah Yang Diinsuranskan/jumlah manfaat berkaitan yang ditentukan dalam Jadual Manfaat menurut jenis pelan **Anda**, tertakluk kepada terma dan syarat **Polisi** ini.

Bagi mengelakkan sebarang keraguan, had maksima bagi setiap individu di bawah Pelan Keluarga hendaklah berdasarkan had di bawah Pelan Dewasa dan/atau Pelan Kanak-kanak, mengikut mana-mana yang berkenaan, tertakluk kepada had maksima agregat untuk manfaat yang berkaitan di bawah Pelan Keluarga seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

Jika dinyatakan dengan jelas di dalam **Polisi** ini, manfaat berkaitan akan dibayar sekiranya **Anda** didiagnos dengan Covid-19, tertakluk kepada terma dan syarat **Polisi** ini.

(A) Manfaat Kemalangan Diri

Berkenaan dengan manfaat yang dibayar di bawah Seksyen 1.1 (Kematian akibat Kemalangan) dan 1.2 (Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan), sekiranya lebih daripada satu (1) **Orang Yang Diinsuranskan** dilindungi, liabiliti agregat maksimum **Kami** berkenaan dengan semua **Orang Yang Diinsuranskan** yang menaiki **Pengangkutan Umum** atau yang menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam tidak akan melebihi had sebanyak RM50 juta atau jumlah pampasan agregat dibayar kepada **Orang Yang Diinsuranskan** itu, mengikut mana-mana yang lebih rendah.

Seksyen 1.1 – Kematian Akibat Kemalangan

Sekiranya berlaku **Kemalangan** semasa dalam **Perjalanan/Lawatan** semasa **Tempoh Insurans** yang menyebabkan **Kecederaan** yang mengakibatkan kematian **Anda** dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari dari tarikh **Kemalangan**, **Kami** akan membayar manfaat kematian mengikut peratusan Jumlah Yang Diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 - Skala Pampasan.

Seksyen 1.2 – Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan

(a) Sekiranya berlaku **Kemalangan** semasa dalam **Perjalanan/Lawatan** semasa **Tempoh Insurans** yang menyebabkan **Kecederaan** yang mengakibatkan **Anda** hilang upaya kekal (disahkan oleh **Pengamal Perubatan**) dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari dari tarikh **Kemalangan**, **Kami** akan membayar manfaat hilang upaya kekal mengikut peratusan Jumlah Yang Diinsuranskan untuk hilang upaya kekal yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 - Skala Pampasan.

Jadual 1 - Skala Pampasan

Deskripsi Kehilangan		Peratusan (%) Jumlah Yang Diinsuranskan
(i)	Kematian akibat Kemalangan	100% Jumlah Yang Diinsuranskan
(ii)	Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan:	
	Lumpuh Kekal dari leher ke bawah	100% Jumlah Yang Diinsuranskan
	Hilang dua belah lengan/kaki dari buku lali atau pergelangan ke bawah	
	Hilang kekal penglihatan kedua-dua mata atau pendengaran	
	Hilang penglihatan sebelah mata atau pendengaran sebelah telinga dan satu anggota badan	50% daripada Jumlah Yang Diinsuranskan
	Hilang penglihatan sebelah mata atau pendengaran sebelah telinga	
	Hilang sebelah lengan/kaki dari buku lali atau pergelangan ke bawah	
Hilang daya bertutur		

- (i) Seksyen 1.1 (Kematian akibat Kemalangan) dan Seksyen 1.2 (Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan) berkongsi had Jumlah Yang Diinsuranskan yang sama. Oleh itu, **Kami** tidak akan membuat bayaran lebih daripada satu (1) manfaat sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan** dalam satu (1) **Kemalangan** yang mengakibatkan lebih daripada satu (1) kehilangan yang dinyatakan dalam Jadual 1 - Skala Pampasan dan hanya akan membayar peratusan tertinggi daripada Jumlah Yang Diinsuranskan.
- (ii) Agregat bagi semua peratusan yang akan dibayar di bawah Skala Pampasan berkaitan dengan semua **Kemalangan** semasa **Tempoh Insurans** tidak akan melebihi seratus peratus (100%) daripada Jumlah Yang Diinsuranskan.
- (iii) Sekiranya seratus peratus (100%) daripada Jumlah Yang Diinsuranskan telah dibayar dalam **Tempoh Insurans**, semua perlindungan bagi **Orang Yang Diinsuranskan** yang berkaitan di bawah **Polisi** ini akan terhenti berkuatkuasa dengan serta-merta dan selepas pembayaran Jumlah Yang Diinsuranskan tersebut dilakukan, tanggungjawab **Syarikat** terhadap **Orang Yang Diinsuranskan** akan dilepaskan sepenuhnya. Bagi kehilangan lain yang kurang daripada seratus peratus (100%) yang telah dibayar, perlindungan akan dikurangkan sebanyak jumlah peratusan tersebut dari tarikh **Kemalangan** sehingga tamat **Tempoh Insurans**. Walau bagaimanapun, perlindungan bagi **Orang Yang Diinsuranskan** yang lain yang dinamakan dalam jadual **Polisi**, mana-mana yang berkaitan, tidak akan terjejas.

Seksyen 1.3 – Perbelanjaan Pengebumian

Sekiranya **Anda** mengalami kematian akibat **Kemalangan** semasa **Perjalanan/Lawatan**, **Kami** akan membayar wakil **Anda** yang sah dari segi undang-undang jumlah sekaligus yang dinyatakan di dalam jadual **Polisi** di bawah manfaat ini.

(B) Manfaat Berkaitan Perubatan

Seksyen 2.1 – Perbelanjaan Perubatan

Sekiranya **Anda** mengalami kematian, atau **Kecederaan** semasa **Perjalanan/Lawatan**, **Kami** akan membayar balik bayaran atau kos atau perbelanjaan yang munasabah untuk:-

- Kos perubatan, pembedahan, hospital atau rumah penjagaan;
- Rawatan atau pembedahan pergigian kecemasan yang diperlukan akibat **Kecederaan** yang dialami dalam **Kemalangan** yang disahkan secara bertulis oleh doktor gigi yang merawat;
- Bayaran yuran ambulans; dan
- Sebarang caj untuk rawatan **Perubatan Alternatif** tertakluk kepada sub-had sebanyak Ringgit Malaysia lima ratus (RM500).

Seksyen 3 – Perbelanjaan Perubatan Lain

Proviso ini hanya berkaitan dengan Seksyen 3.1, 3.2 dan 3.3

- Kami** akan menguruskan perkhidmatan ini melalui **Wakil Kami Yang Dibenarkan** untuk membantu **Anda** ketika kecemasan semasa **Anda** berada dalam **Perjalanan/Lawatan**. **Anda** boleh mengaktifkan perkhidmatan tersebut dengan menghubungi talian telefon kecemasan dua puluh empat (24) jam yang tertera di halaman terakhir **Polisi** ini dengan panggilan secara pindah bayar.
- Semua keputusan mengenai cara pengangkutan dan destinasi akan ditentukan oleh **Kami** atau **Wakil Kami Yang Dibenarkan** yang berunding dengan **Kami** dan akan hanya berdasarkan keperluan perubatan semata-mata setelah **Kami** meneliti semua fakta dan keadaan yang **Kami** ketahui pada waktu tersebut.
- Had maksimum yang boleh dibayar di bawah Seksyen 3.1 (Pemindahan Perubatan Kecemasan), Seksyen 3.2 (Repatriasi Rawatan Kecemasan) dan Seksyen 3.3 (Repatriasi Jenazah) akan diagregatkan dan tidak akan melebihi had maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

Seksyen 3.1 – Pemindahan Perubatan Kecemasan

Sekiranya **Anda** dimasukkan ke hospital untuk **Keadaan Penyakit Serius** akibat **Kemalangan**, namun kemudahan perubatan tempatan tidak mencukupi, **Wakil Kami Yang Dibenarkan** akan menguruskan pemindahan perubatan **Anda** ke tempat terdekat yang mempunyai kemudahan perubatan yang mencukupi, di bawah seliaan perubatan yang berterusan.

Seksyen 3.2 – Repatriasi Rawatan Kecemasan

Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan** semasa **Perjalanan/Lawatan** dan **Wakil Kami Yang Dibenarkan** bersama-sama **Pengamal Perubatan** tempatan yang merawat **Anda** menentukan bahawa rawatan bagi **Keadaan Penyakit Serius** yang dialami oleh **Anda** harus diteruskan di pusat perubatan berdekatan dengan **Rumah**, **Wakil Kami Yang Dibenarkan** akan menguruskan penghantaran balik **Anda** di bawah seliaan perubatan yang berterusan apabila keadaan **Anda** telah stabil.

Seksyen 3.3 – Repatriasi Jenazah

Sekiranya kematian **Anda** disebabkan **Kemalangan** semasa **Perjalanan/Lawatan**, **Wakil Kami Yang Dibenarkan** akan menguruskan proses pengebumian atau pembakaran mayat di kawasan tempat belakunya kematian **Anda** termasuk kos pengangkutan yang munasabah untuk penghantaran jasad atau abu ke **Rumah**.

Seksyen 3.4 – Rawatan Susulan

Sekiranya **Anda** memerlukan rawatan perubatan susulan yang perlu akibat **Kemalangan** semasa **Perjalanan/Lawatan** **Anda** dan menanggung perbelanjaan perubatan di hospital dalam tempoh empat puluh lima (45) hari selepas **Anda** pulang ke **Rumah**, **Kami** akan membayar balik kos perbelanjaan rawatan susulan tersebut (termasuk bayaran ambulans dan caj rumah jagaan). Perbelanjaan bagi Rawatan **Perubatan Alternatif** adalah tertakluk kepada sub-had sebanyak Ringgit Malaysia lima ratus (RM500).

Seksyen 3.5 – Pendapatan Hospital

Sekiranya **Anda** dimasukkan ke hospital sebagai pesakit dalam akibat **Kemalangan** semasa **Perjalanan/Lawatan**, **Kami** akan membayar untuk setiap tempoh dua puluh empat (24) jam penghospitalan yang lengkap dalam tempoh **Perjalanan/Lawatan**.

Seksyen 3.6 – Lawatan Ihsan (Disebabkan Kecederaan Atau Kematian Orang Yang Diinsuranskan)

- Sekiranya **Anda** dimasukkan ke hospital akibat **Kemalangan** semasa dalam **Perjalanan/Lawatan**, **Kami** akan membayar kos tambahan untuk penginapan dan perbelanjaan perjalanan yang munasabah untuk satu (1) ahli keluarga atau rakan untuk pergi ke lokasi **Anda** atau meneruskan perjalanan dan tinggal bersama **Anda** atas nasihat perubatan **Pengamal Perubatan** yang merawat;
- Sekiranya berlakunya kematian **Anda** akibat **Kemalangan** semasa **Perjalanan/Lawatan** dan tiada ahli keluarga yang dewasa bersama dengan **Anda** ketika itu, **Kami** akan membayar balik kos tambahan untuk penginapan dan perbelanjaan perjalanan yang munasabah yang ditanggung untuk satu (1) ahli keluarga atau rakan untuk membantu urusan pengebumian atau pembakaran mayat di kawasan tempat berlakunya kematian **Anda**.

Manfaat ini hanya boleh dibayar untuk satu (1) tuntutan yang dibuat sekiranya berlaku penghospitalan atau kematian akibat **Kemalangan** kepada **Anda**, untuk mana-mana satu kejadian.

Seksyen 3.7 – Penghantaran Ubat-Ubatan

- Jika ubat-ubatan yang diperlukan tiada dalam hal kecemasan akibat **Kemalangan** dan sekiranya undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan tempatan membenarkan penghantaran ubat-ubatan, **Kami** akan membayar kos penghantaran ubat-ubatan oleh **Wakil Kami Yang Dibenarkan** untuk setiap satu **Perjalanan/Lawatan**.
- Kami** tidak akan membayar kos ubat-ubatan tersebut.

(C) Manfaat Kesulitan Perjalanan

Seksyen 4.1 – Pembatalan Deposit Atau Perjalanan

- Kami** akan membayar perbelanjaan yang telah dibayar terlebih dahulu yang tidak dapat diperolehi kembali dan/atau perbelanjaan yang telah dikeluarkan atau dikontrakkan untuk dibayar yang mana **Anda** dipertanggungjawabkan/tanggung berkaitan dengan penginapan, caj pengangkutan awam dan caj persiapan **Anda** jika **Perjalanan/Lawatan** **Anda** dibatalkan sebelum bermulanya **Perjalanan/Lawatan** **Anda** disebabkan perkara yang berikut:-

- (i) Kematian **Anda**, kematian mana-mana **Ahli Keluarga** atau kematian **Teman Perjalanan Anda** dengan syarat kematian tersebut berlaku dalam tempoh enam puluh (60) hari sebelum tarikh **Anda** dijadualkan berlepas;
 - (ii) Kemasukkan **Anda** atau mana-mana **Ahli Keluarga Anda** atau **Teman Perjalanan Anda** ke hospital pada tarikh **Anda** dijadualkan berlepas akibat **Kecederaan** atau **Penyakit Serius** (termasuk Covid-19);
 - (iii) **Kecederaan** atau **Penyakit** (termasuk Covid-19) yang dialami oleh **Anda** yang menyebabkan **Pengamal Perubatan** yang merawat memperakui secara bertulis bahawa **Anda** tidak boleh melakukan perjalanan pada tarikh **Anda** dijadualkan berlepas;
 - (iv) **Kecederaan** atau **Penyakit Serius** (termasuk Covid-19) yang dialami oleh mana-mana **Ahli Keluarga Anda** yang dijadualkan untuk melancong bersama **Anda**, yang menyebabkan **Pengamal Perubatan** yang merawat mengesahkan bahawa **Ahli Keluarga** tersebut tidak boleh melakukan perjalanan pada tarikh dijadualkan berlepas;
 - (v) **Anda** atau **Teman Perjalanan Anda** diletakkan di bawah kuarantin atau pengasingan wajib mengikut perintah pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan atau pihak berkuasa kesihatan awam yang diiktiraf pada tarikh **Anda** dijadualkan berlepas kerana telah didiagnos dengan Covid-19;
 - (vi) Kerosakan serius kepada **Rumah Anda** akibat kebakaran, banjir atau **Bencana Alam** yang seumpamanya yang memerlukan kehadiran **Anda** pada tarikh **Anda** dijadualkan berlepas;
 - (vii) **Bencana Alam** di destinasi yang dijadualkan yang menghalang **Anda** daripada memulakan **Perjalanan/Lawatan**, dengan syarat bahawa **Bencana Alam** tersebut berlaku tidak lebih dari satu (1) bulan sebelum tarikh **Anda** dijadualkan berlepas.
- (b) **Kami** tidak akan membayar manfaat di bawah Seksyen ini sekiranya:-
- (i) **Polisi** ini dibeli dan bayaran premium insurans dibuat kurang daripada tujuh (7) hari sebelum **Anda** berlepas untuk **Perjalanan/Lawatan Anda**; atau
 - (ii) **Anda** membeli **Polisi** ini dan membuat bayaran premium selepas bermulanya, berlaku atau pengumuman mana-mana kejadian di bawah Seksyen 4.1 (a).

Seksyen 5.1 – Pemendekan Perjalanan

- (a) Sekiranya **Anda** memendekan **Perjalanan/Lawatan** disebabkan kejadian yang dinyatakan dalam Seksyen 5.1 (b) yang menyebabkan gangguan **Perjalanan/Lawatan Anda** atau perlu pulang ke **Rumah** sebelum selesai keseluruhan **Perjalanan/Lawatan Anda**, **Kami** akan membayar:-
- (i) Caj atau bayaran perbelanjaan yang tidak dapat di perolehi semula bagi sebahagian **Perjalanan/Lawatan** yang tidak digunakan dan tidak boleh dibayar balik mengikut kadar hari-hari yang tidak digunakan yang telah dibayar atau dikontrakkan untuk dibayar oleh **Anda**;
 - (ii) Sama ada kos tambahan untuk menukar tiket pulang **Anda** kepada tarikh yang berlainan atau kos untuk membeli tiket yang baru yang mana kelas tiket penerbangan pulang yang baru tidak lebih tinggi daripada kelas tiket penerbangan pulang yang asal jika **Pengangkutan Umum** tidak dapat menukar tarikh pulang pada tiket yang asal.
- (b) Manfaat ini akan dibayar sekiranya:-
- (i) Kematian, **Kecederaan** (yang menyebabkan **Anda** atau **Teman Perjalanan Anda** tidak boleh melakukan perjalanan atau meneruskan **Perjalanan/Lawatan Anda** seperti yang diperakui secara bertulis oleh **Pengamal Perubatan**) atau **Penyakit Serius** (termasuk Covid-19) yang dialami oleh **Anda** atau **Teman Perjalanan Anda** semasa **Perjalanan/Lawatan**;
 - (ii) Kematian mana-mana **Ahli Keluarga Anda** yang tidak diduga;
 - (iii) **Penyakit** (termasuk Covid-19) atau **Kemalangan** yang dialami oleh **Ahli Keluarga Anda** yang memerlukan kemasukkan ke hospital lebih daripada empat puluh lapan (48) jam;
 - (iv) **Anda** atau **Teman Perjalanan Anda** diletakkan di bawah kuarantin atau pengasingan wajib mengikut perintah pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan atau pihak berkuasa kesihatan awam yang diiktiraf semasa **Perjalanan/Lawatan Anda** kerana telah didiagnos dengan Covid-19;
 - (v) Kerosakan serius kepada **Rumah Anda** akibat kebakaran, banjir atau **Bencana Alam** yang seumpamanya yang memerlukan kehadiran **Anda**;
 - (vi) **Bencana Alam** di destinasi **Anda** yang dijadualkan yang menghalang **Anda** daripada meneruskan **Perjalanan/Lawatan** yang dijadualkan.
- (c) Sekiranya **Anda** perlu tinggal di destinasi **Anda** melebihi tarikh **Anda** dijadualkan pulang kerana **Kecederaan** (yang menyebabkan **Anda** atau **Teman Perjalanan Anda** tidak boleh melakukan perjalanan atau meneruskan **Perjalanan/Lawatan** yang diperakui secara bertulis oleh **Pengamal Perubatan**) atau **Kecederaan Serius** (termasuk Covid-19) yang dialami oleh **Anda** atau **Teman Perjalanan Anda**, **Kami** akan membayar:-
- (i) Sama ada kos tambahan untuk menukar tiket pulang **Anda** ke tarikh yang lain atau kos untuk membeli tiket pulang baru sekiranya **Pengangkutan Umum** tidak dapat menukar tarikh pulang tiket asal, dengan syarat bahawa:-
 - **Anda** atau **Teman Perjalanan Anda** dimasukkan ke dalam hospital pada tarikh pulang yang dijadualkan; atau
 - **Pengamal Perubatan** yang merawat memperakui secara bertulis bahawa **Anda** atau **Teman Perjalanan Anda** tidak boleh untuk melakukan perjalanan pada tarikh pulang yang dijadualkan; dan
 - Kelas tiket perjalanan yang baru tidak melebihi kelas tiket yang asal; dan
 - (ii) Perbelanjaan penginapan tambahan yang munasabah yang ditanggung sepanjang tempoh **Pengamal Perubatan** memperakui secara bertulis bahawa **Anda** atau **Teman Perjalanan Anda** tidak boleh untuk melakukan perjalanan pada tarikh pulang yang dijadualkan.
- (d) **Kami** tidak akan membayar caj atau perbelanjaan yang dibayar untuk tiket pulang yang tidak digunakan sekiranya **Kami** membayar kos menukar tiket pulang **Anda** ke tarikh yang berlainan atau kos untuk membeli tiket pulang yang baru.

Seksyen 6.1 – Bagasi Peribadi Atau Barangan Peribadi

- (a) Sekiranya **Bagasi Peribadi** atau **Barangan Peribadi Anda** (termasuk pakaian yang dipakai) dicuri, rosak atau hilang semasa **Perjalanan/Lawatan Anda**, **Kami** akan membayar ganti rugi seperti yang berikut setelah ditolak sebarang haus, lusuh atau susut nilai:-
- (i) Sebarang kerosakan atau kehilangan **Bagasi Peribadi** dan **Barangan Peribadi Anda** akibat kecurian atau cubaan mencuri dengan syarat bahawa **Bagasi** dan **Barangan Peribadi** di bawa oleh **Anda**, disimpan berkunci di dalam penginapan atau disimpan dan berada di bawah penjagaan hotel;
 - (ii) Kerosakan atau kehilangan **Bagasi Peribadi** dan **Barangan Peribadi Anda** oleh **Pengangkutan Umum** tertakluk pada had yang ditetapkan dalam Bahagian 6.1 (b).

- (b) Amaun maksimum yang akan dibayar bagi setiap barangan adalah:-
- (i) Ringgit Malaysia satu ratus (RM100) untuk setiap barang, sepasang atau satu set barang;
 - (ii) Nilai berkadar satu artikel kepunyaan pasangan atau set sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan kepada artikel tersebut;
 - (iii) Agregat sebanyak Ringgit Malaysia tiga ratus (RM300) jika berkaitan dengan Peranti Pintar.
- (c) **Kami** tidak akan membayar untuk:-
- (i) Kehilangan atau kerosakan pada:-
 - (a) Barang kemas walaubagaimanapun berlaku;
 - (b) Peralatan Sukan kecuali jika Sukan Tambahan (Rider Pilihan) dibeli (terma dan syarat yang berkenaan adalah seperti Bahagian 1 (D) (Sukan Tambahan (Rider Pilihan)) Seksyen 21 **Polisi** ini);
 - (ii) Kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh keadaan atmosfera atau iklim, lusuh atau susut nilai, haiwan perosak, kemerosotan berperingkat, gangguan mekanikal atau elektrik, sebarang kerosakan tersorok;
 - (iii) Kehilangan atau kerosakan akibat kecurian dari kenderaan tidak dijaga kecuali jika barangan yang hilang atau rosak benar-benar tidak dapat dilihat dan disimpan di dalam bonet belakang kenderaan yang telah dikunci sepenuhnya dan semua tingkap ditutup dan terdapat bukti jelas bahawa kenderaan telah dipecah masuk;
 - (iv) Kehilangan atau kerosakan yang tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari masa kejadian itu disedari;
 - (v) Kehilangan atau kerosakan di mana **Anda** akan menerima penggantian atau pampasan sama ada dari **Pengangkutan Umum** atau pihak lain.

Seksyen 7.1 – Kelewatan Bagasi

- (a) Sekiranya bagasi **Anda** yang didaftar masuk ditangguh, tersalah kendali, disalahuruskan atau tersalah letak selama sekurang-kurangnya enam (6) jam dari masa ketibaan di destinasi yang dijadualkan, **Kami** akan membayar jumlah sekaligus seperti yang dinyatakan dalam jadual **Polisi**.
- (b) **Kami** tidak akan membayar manfaat dibawah Seksyen ini sekiranya **Anda** tidak melaporkan kepada **Pengangkutan Umum** dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas **Anda** menyedari kelewatan atau kehilangan bagasi tersebut.

Seksyen 8.1 – Kelewatan Perjalanan

- (a) Sekiranya **Pengangkutan Umum Anda** ditangguhkan, dijadualkan semula, diubah laluan atau dibatalkan dan menyebabkan kelewatan sekurang-kurangnya enam (6) jam berdasarkan waktu yang ditetapkan dalam tempahan **Pengangkutan Umum**, **Kami** akan membayar bagi kelewatan setiap enam (6) jam berturut-turut sama ada kelewatan perlepasan atau ketibaan, yang mana mempunyai tempoh yang lebih lama.
- (b) Kelewatan sama ada perlepasan atau ketibaan, atau pembatalan **Pengangkutan Umum**, yang mana berkenaan, mesti disahkan secara bertulis oleh **Pengangkutan Umum** atau ejen pengendalian yang berkaitan dan pengesahan tersebut mesti menunjukkan waktu asal perlepasan atau ketibaan yang dijadualkan dan waktu perlepasan atau ketibaan yang sebenar bagi **Pengangkutan Umum** tersebut.
- (c) Sekiranya perlepasan yang dijadualkan **Pengangkutan Umum Anda** dijadualkan semula ke tarikh atau masa yang lebih awal oleh pengendali **Pengangkutan Umum**, **Kami** akan membayar

Anda sekaligus Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) tertakluk kepada pengesahan bertulis oleh **Pengangkutan Umum** atau ejen pengendali mengenai penjadualan semula tersebut.

- (d) **Kami** tidak akan membayar:-
- (i) Bagi sebarang kelewatan, penjadualan semula, perubahan laluan atau pembatalan disebabkan tindakan mogok atau tindakan pekerja industri yang bermula atau diumumkan sebelum tarikh pengeluaran **Polisi Anda** atau diumumkan pada tarikh tiket perjalanan **Anda** atau tarikh pengesahan tempahan telah dikeluarkan;
 - (ii) Bagi sebarang kelewatan, penjadualan semula, perubahan laluan atau pembatalan yang dimaklumkan kepada **Anda** dalam masa empat puluh lapan (48) jam atau lebih sebelum waktu perlepasan asal yang dinyatakan di tiket perlepasan **Anda**;
 - (iii) Bagi sebarang perbelanjaan tambahan, termasuk tetapi tidak terhad kepada kos untuk membeli tiket baru dan caj tambahan penginapan.

Seksyen 9.1 – Terlepas Perjalanan

- (a) **Kami** akan membayar balik kepada **Anda** perbelanjaan penginapan dan perbelanjaan perjalanan tambahan yang perlu dan munasabah yang ditanggung:
- (i) Semasa perjalanan awal dari **Rumah** atau tempat perniagaan **Anda** di Malaysia; atau
 - (ii) Semasa perjalanan awal **Anda** untuk pulang ke destinasi akhir yang dirancang di Malaysia dari tempat penginapan atau tempat perniagaan **Anda**;

jika **Anda** terlepas daripada perjalanan yang dirancang dan dijadualkan akibat kegagalan perkhidmatan pengangkutan awam untuk sampai ke pelabuhan, lapangan terbang atau stesen keretapi untuk servis **Pengangkutan Umum**.

- (b) **Kami** tidak akan membayar sekiranya:-
- (i) **Anda** gagal untuk mendaftar masuk di lapangan terbang, stesen keretapi atau pelabuhan mengikut jadual perjalanan yang diberikan kepada **Anda** selain jika berpunca daripada kegagalan perkhidmatan pengangkutan awam;
 - (ii) **Anda** lewat sampai di lapangan terbang, stesen kereta api atau pelabuhan selepas mendaftar masuk (kecuali jika **Anda** lewat disebabkan kegagalan perkhidmatan pengangkutan awam);
 - (iii) **Anda** sudah mengetahui kegagalan perkhidmatan pengangkutan awam yang disebabkan tindakan mogok atau pekerja industri yang bermula atau diumumkan sebelum tarikh berlepas.

Seksyen 10.1 – Telepas Sambungan Perjalanan

- (a) Jika **Anda** terlepas sambungan **Pengangkutan Umum** di mana-mana satu pusat pertukaran disebabkan kelewatan **Pengangkutan Umum** yang **Anda** naiki, **Kami** akan membayar sambungan perjalanan yang terlepas tersebut dan sehingga dua (2) sambungan perjalanan yang selanjutnya.
- (b) **Kami** tidak akan membayar:-
- (i) Bagi kegagalan **Anda** untuk mendaftar masuk di lapangan terbang, stesen keretapi atau pelabuhan untuk perkhidmatan **Pengangkutan Umum** mengikut jadual perjalanan yang telah diberikan;
 - (ii) Sekiranya **Anda** tiba lewat selepas masa untuk mendaftar masuk di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan untuk perkhidmatan **Pengangkutan Umum** (kecuali jika **Anda** lewat akibat mogok atau tindakan pekerja industri);

- (iii) Bagi kelewatan **Anda** untuk berlepas akibat kegagalan perkhidmatan pengangkutan awam disebabkan mogok atau tindakan pekerja industri yang bermula atau diumumkan sebelum tarikh berlepas dari **Rumah Anda**;
- (iv) Pampasan melainkan **Anda** mendapatkan pengesahan bertulis daripada **Pengangkutan Umum** atau ejen pengendalian yang berkaitan yang menunjukkan masa berlepas yang dijadualkan dan masa berlepas sebenar untuk **Pengangkutan Umum** yang tertunda;
- (v) Sebarang perbelanjaan tambahan, termasuk tetapi tidak terhad kepada kos untuk membeli tiket baru dan caj tambahan penginapan.

Seksyen 11.1 – Tempahan Perjalanan Berlebihan

- (a) Sekiranya **Anda** tidak dibenarkan menaiki **Pengangkutan Umum** yang dijadualkan disebabkan tempahan berlebihan, **Kami** akan membayar sekaligus amaun yang dinyatakan di dalam jadual **Polisi** dengan syarat **Anda** telah mendapat pengesahan bertulis dari **Pengangkutan Umum** atau ejen pengendalian yang berkaitan yang membuktikan butiran tempahan yang berlebihan.
- (b) **Kami** tidak akan membayar sebarang perbelanjaan tambahan, termasuk tetapi tidak terhad kepada kos untuk membeli tiket baru dan caj tambahan penginapan.

Seksyen 12.1 – Kos Tambahan Bagi Pemulangan Kereta Sewa/Campervan

- (a) Sekiranya **Anda** tidak dapat memulangkan kereta sewa atau campervan yang disewa dari agensi sewa kenderaan berlesen ke depoh sewa terdekat semasa **Perjalanan/Lawatan**, **Kami** akan membayar:-
 - (i) Sekiranya kerugian yang ditanggung semata-mata akibat kegagalan atau ketidakupayaan **Anda** untuk memulangkan kereta sewa atau campervan akibat Kecederaan atau **Penyakit Serius** (termasuk Covid-19) yang **Anda** alami yang memerlukan kemasukan ke hospital;
 - (ii) Kos sewa tambahan untuk kereta sewa/campervan yang **Anda** perlu tanggung di bawah perjanjian kereta sewa/campervan.
- (b) **Anda** mesti mematuhi semua peraturan agensi sewaan di bawah perjanjian sewa serta undang-undang, dan peraturan negara.
- (c) Manfaat ini tidak terpakai bagi Pelan Kanak-kanak/Pelan Tahunan Kanak-kanak.

Seksyen 13.1 – Liabiliti Peribadi

- (a) **Kami** akan membayar:-
 - (i) Liabiliti **Anda** kepada pihak ketiga di bawah undang-undang untuk bayaran pampasan berkenaan dengan kematian atau Kecederaan, dan/atau kehilangan atau kerosakan terhadap harta benda yang berlaku semasa **Perjalanan/Lawatan Anda**, yang disebabkan oleh **Kemalangan** atau beberapa siri **Kemalangan** yang berpunca dari satu sumber atau punca asal;
 - (ii) Kos dan perbelanjaan guaman yang munasabah yang ditanggung oleh **Anda** untuk menyelesaikan atau mempertahankan tuntutan yang dibuat terhadap **Anda**.
- (b) **Kami** tidak akan membayar:-
 - (i) Bagi sebarang liabiliti untuk kehilangan atau kerosakan terhadap harta benda atau **Kecederaan**:
 - Yang diterima atau diakui tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada **Kami**;
 - Yang dialami oleh sesiapa di bawah kontrak perkhidmatan dengan **Anda** dan terjadi akibat kerja yang mereka lakukan bagi **Anda** selaku dengan kontrak perkhidmatan tersebut;

- Yang dialami oleh mana-mana ahli keluarga atau mana-mana orang lain yang mengembara bersama **Anda**;
- Yang timbul akibat tindakan yang disengajakan atau ketiadaan tindakan (omission) **Anda** yang sengaja;
- Yang timbul dari sebarang tindakan **Anda** yang dilakukan secara sengaja, dengan niat jahat atau yang menyalahi undang-undang;
- Yang timbul daripada pekerjaan, kerjaya atau perniagaan **Anda** sendiri;
- Yang timbul daripada pemilikan, penjagaan, atau pengawalan sebarang haiwan milik **Anda**;
- Di mana ganti rugi yang diperuntukkan di bawah mana-mana insurans yang **Anda** tanggung melalui perjanjian yang tidak akan wujud sekiranya tiada perjanjian tersebut.

Seksyen 14.1 – Rampasan

Sekiranya **Pengangkutan Umum** yang **Anda** naiki sebagai penumpang semasa **Perjalanan/Lawatan** dirampas, **Kami** akan membayar untuk setiap hari **Pengangkutan Umum** tersebut dirampas sehingga maksima dua puluh (20) hari dengan syarat tempoh **Pengangkutan Umum** yang dirampas adalah sekurang-kurangnya dua belas (12) jam.

Seksyen 15.1 – Wang Peribadi

- (a) Sekiranya **Anda** mengalami kehilangan **Wang Peribadi** akibat rompakan, pecah rumah atau kecurian semasa **Perjalanan/Lawatan Anda**, **Kami** akan membayar kehilangan **Wang Peribadi Anda** dengan syarat kehilangan tersebut dilaporkan kepada pihak polis tempatan dalam masa dua puluh empat (24) jam daripada kejadian itu.
- (b) **Kami** tidak akan membayar manfaat di bawah Seksyen ini sekiranya:-
 - (i) Sekiranya **Wang Peribadi** ditinggalkan tanpa pengawasan di tempat awam atau kenderaan tanpa pengawasan;
 - (ii) Sekiranya **Wang Peribadi** hilang semasa di bawah jagaan **Pengangkutan Umum**, kecuali jika dilaporkan dalam masa dua puluh empat (24) jam setelah ianya disedari dan laporan harta benda tidak selaras (property irregularity report) diperolehi;
 - (iii) Terdapat sebarang kekurangan **Wang Peribadi** disebabkan oleh kesilapan, tertinggal, kadar pertukaran wang asing yang ditentukan pada tarikh kejadian tersebut atau susut nilai.

Seksyen 16.1 – Indemniti Kad Kredit/Kad Caj

- (a) Sekiranya **Anda** mengalami kematian atau hilang upaya kekal akibat **Kemalangan**, **Kami** akan membayar **Anda** ganti rugi bagi perbelanjaan yang ditanggung menggunakan kad kredit/kad caj yang dikeluarkan oleh institusi kewangan bermula dari permulaan **Perjalanan/Lawatan** sehingga tarikh **Kemalangan** apabila **Anda** mengalami kematian atau hilang upaya kekal akibat **Kemalangan** tersebut.
- (b) Manfaat ini tidak terpakai untuk Pelan Kanak-kanak/Pelan Tahunan Kanak-kanak.

Seksyen 17.1 – Hotel Haiwan Peliharaan

- (a) **Kami** akan membayar kos tambahan yang **Anda** tanggung seperti yang tertera di dalam perjanjian hotel haiwan peliharaan sekiranya **Anda** tidak sempat pulang dari **Perjalanan/Lawatan** tepat pada masanya untuk mengambil haiwan peliharaan **Anda** disebabkan perkara berikut:-
 - (i) **Anda** mengalami **Kecederaan** atau **Penyakit Serius** (termasuk Covid-19) yang memerlukan kemasukan ke hospital; atau
 - (ii) Kelewatan **Pengangkutan Umum** yang dinaiki oleh **Anda**.

- (b) **Kami** tidak akan membayar jika kelewatan **Pengangkutan Umum** telah dimaklumkan kepada **Anda** atau dimaklumkan secara umum sebelum **Polisi** ini dibeli.
- (c) Manfaat ini tidak terpakai bagi Pelan Kanak-kanak/Pelan Tahunan Kanak-kanak.

Seksyen 18.1 – Penjagaan Rumah

- (a) **Kami** akan membayar kerugian atau kerosakan barangan **Rumah Anda** akibat kebakaran dan/atau kecurian (masuk secara paksa sahaja) apabila **Rumah** itu ditinggalkan semasa **Anda** berada dalam **Perjalanan/Lawatan**.
- (b) **Kami** tidak akan membayar:
 - (i) Apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh haus, lusuh, susut nilai, proses pembersihan, perwarna, pembaikan atau pembaikpulihan apa-apa barangan, kesan cahaya atau keadaan atmosfera, gegat, serangga, haiwan perosak atau apa-apa sebab lain yang terjadi secara beransur-ansur;
 - (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan yang berlaku disebabkan oleh tindakan atau ketiadaan tindakan (*omission*) **Anda** yang dilakukan secara sengaja atau tindakan yang haram dari segi undang-undang dan tidak bermoral;
 - (iii) Kerugian atau kerosakan yang diinsuranskan di bawah mana-mana polisi insurans lain, di mana pembayaran balik akan ditanggung oleh mana-mana pihak lain.
- (c) Manfaat ini tidak terpakai bagi Pelan Kanak-kanak/Pelan Tahunan Kanak-kanak.

Seksyen 19.1 – Perlindungan Ekses Kereta Sewa

- (a) **Kami** akan membayar balik sebarang ekses atau jumlah yang boleh ditolak (deductible) yang **Anda** bertanggungjawab membayar dari segi undang-undang di bawah perjanjian kereta sewa akibat kerugian atau kerosakan kereta sewa disebabkan Kemalangan atau kecurian dengan syarat:-
 - (i) Kereta tersebut mestilah disewa dari agensi sewa berlesen;
 - (ii) **Anda** mesti mematuhi semua peraturan agensi sewa di bawah perjanjian sewa, undang-undang, dan peraturan negara.
- (b) **Kami** tidak akan membayar jika **Anda** hilang kelayakan atau dilarang menyewa dan/atau memandu kereta disebabkan oleh perintah dari mana-mana mahkamah undang-undang atau mana-mana undang-undang.

Seksyen 20.1 – Perlindungan Keganasan

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Anda** berkenaan dengan **Kecederaan**, kematian dan hilang upaya kekal yang mungkin dialami melalui **Keganasan** dengan syarat tiada liabiliti apabila tindakan dan/atau tindakan **Keganasan** tersebut melibatkan penggunaan senjata nuklear, kimia atau biologi pemusnah besar-besaran walau bagaimanapun ianya diedarkan atau digabungkan.

Bagi tujuan Seksyen ini:

- (a) **Keganasan/Akta Keganasan** bermaksud tindakan atau sebarang tindakan mana-mana orang atau sekumpulan orang, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan yang seumpamanya dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletakkan orang ramai atau mana-mana orang awam dalam ketakutan. **Keganasan** boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada ugutan dan/atau penggunaan kekerasan atau **Keganasan** yang sebenar. Tambahan pula, orang yang melakukan **Keganasan** mungkin bertindak secara bersendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan.

- (b) Penggunaan senjata nuklear untuk kemusnahan secara besar-besaran bermaksud penggunaan apa-apa senjata atau peranti nuklear yang boleh memancar atau pengeluaran, pelepasan atau penyuraian bahan fisis yang memancarkan tahap radioaktiviti yang mampu menyebabkan hilang upaya atau kematian dalam kalangan manusia atau haiwan.
- (c) Penggunaan senjata kimia untuk kemusnahan secara besar-besaran bermaksud pemancaran, pengeluaran, penyebaran, pelepasan apa-apa bahan pepejal, cecair atau campuran bahan kimia bergas yang mana apabila disebarkan mampu menyebabkan hilang upaya atau menyebabkan kematian dalam kalangan manusia ataupun haiwan.
- (d) Penggunaan senjata biologi untuk kemusnahan secara besar-besaran bermaksud pemancaran, pengeluaran, penyebaran, pelepasan apa-apa mikro-organisma berpenyakit (yang boleh mengakibatkan wabak) dan/atau toksin yang dihasilkan secara biologi (termasuk organisma diubah suai secara genetik dan penghasilan toksin yang disintesis secara kimia) yang mampu menyebabkan hilang upaya atau menyebabkan kematian dalam kalangan manusia ataupun haiwan.

(D) Sukan Tambahan (Rider Pilihan)

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Anda** berkaitan dengan semua manfaat yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat Peribadi sekiranya **Anda** mengalami kerugian yang boleh dituntut semasa aktiviti yang disenaraikan di bawah dengan syarat premium tambahan dibayar.

Seksyen 21 (A) – Rider Pilihan 1

Aktiviti Sukan

- (a) **Kami** akan membayar pampasan di bawah manfaat yang berkaitan dengan **Polisi** ini jika kerugian yang dialami oleh **Anda** adalah disebabkan secara langsung oleh aktiviti sukan berikut yang dijalankan semasa **Perjalanan/Lawatan**:
 - (i) Sukan Air - aktiviti berakit, berkanu dan berkayak yang melibatkan arus deras (kelas 4 dan ke bawah), mendayung, kapal layar, paralayar, meluncur, luncur angin (layar papan), jet ski, selam skuba, snorkeling dan aktiviti bawah air yang melibatkan penggunaan sebarang alat pernafasan tiruan (sehingga kedalaman air (kedalaman lima puluh (50) meter).
 - (ii) Lain-lain - aktiviti pendakian (tidak melibatkan penggunaan tali dan peralatan pendakian lain) sehingga empat ribu lima ratus (4,500) meter atau kem pusat yang mana-mana yang lebih rendah, terjun udara, geluncur angin, terjun lelabah, meluncur bola zorb, sephereing, orbing, belon udara panas dan kenderaan serba guna (ATV).
- (b) **Kami** tidak akan membayar sekiranya **Anda** tidak mengamalkan penjagaan keselamatan yang munasabah dan gagal mematuhi semua keperluan keselamatan semasa menjalankan aktiviti sukan yang berkaitan.

Seksyen 21 (B) – Kerosakan Pada Peralatan Sukan

- (a) Sekiranya berlaku sebarang kerosakan pada Peralatan Sukan **Anda** untuk Aktiviti Sukan yang disenaraikan di bawah Seksyen 21 (A), **Kami** akan membayar balik kepada **Anda** apa-apa kos yang munasabah yang ditanggung untuk penggantian atau pembaikan Peralatan Sukan, untuk setiap insiden untuk setiap **Perjalanan/Lawatan**,
- (b) **Kami** tidak akan membayar:-
 - (i) Kerugian atau kerosakan akibat haus dan lusuh atau apa-apa kerosakan semulajadi;

- (ii) Kerugian atau kerosakan akibat kecurian dari kenderaan tanpa pengawasan melainkan ia tidak dapat dilihat di dalam kenderaan yang terkunci sepenuhnya dan tingkapnya ditutup dan terdapat bukti yang jelas mengenai kemasukan secara paksa;
- (iii) Kerosakan yang dilindungi oleh waranti pengilang; atau
- (iv) Kerugian atau kerosakan dimana **Anda** akan menerima gantian atau pampasan dari **Pengangkutan Umum** atau pihak-pihak lain.

Bahagian 2 – Syarat Am

1. Syarat Terdahulu Bagi Liabiliti

Pematuhan sewajarnya dan pemenuhan terma dan syarat **Polisi** ini selaras dengan apa yang perlu dilakukan atau tidak perlu dilakukan oleh **Anda** atau wakil sah **Anda** dari segi undang-undang merupakan syarat-syarat terdahulu kepada apa-apa liabiliti **Kami** untuk membuat bayaran di bawah **Polisi** ini.

2. Notis

Setiap notis atau komunikasi yang akan diberikan atau dibuat di bawah **Polisi** ini oleh **Pemegang Polisi** atau **Anda** atau wakil sah **Anda**, harus dihantar secara bertulis kepada Ibu Pejabat atau mana-mana Pejabat Cawangan **Syarikat**.

3. Salah Nyataan Atau Peninggalaan Fakta Penting

Tertakluk kepada kewajipan penzahiran **Pemegang Polisi** atau **Anda**, mana-mana yang berkenaan, **Syarikat** tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat kenyataan palsu atau kenyataan penting yang diabaikan daripada borang cadangan atau pengakuan atau mana-mana dokumen yang diberikan kepada **Syarikat**, bergantung kepada kewajipan mendedahkan yang berkaitan dengan **Pemegang Polisi** atau **Anda**, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Sekiranya sebarang tuntutan dibuat oleh **Pemegang Polisi** atau **Anda**, mana-mana yang berkenaan, adalah penipuan atau keterlaluan, atau jika ada pengisytiharan atau pernyataan palsu dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut, maka **Syarikat** berhak untuk menghentikan **Polisi** ini atau perlindungan **Anda**, mana-mana yang berkenaan.

4. Tuntutan

(a) Notis Tuntutan

Semua tuntutan mestilah diberikan secara bertulis kepada **Syarikat** dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tiba di **Rumah Anda**.

Anda hendaklah mengemukakan semua dokumen yang berkaitan dalam masa yang munasabah untuk pemeriksaan **Syarikat** dan bekerjasama dengan **Syarikat** dalam semua perkara yang berkaitan dengan apa-apa kerugian dan/atau tuntutan. Kegagalan mematuhi syarat ini boleh menjejaskan tuntutan **Anda**.

Notis tuntutan bertulis yang diberikan oleh **Anda** atau wakil **Anda** ke Ibu Pejabat atau Pejabat Cawangan **Syarikat** di Malaysia atau kepada mana-mana ejen yang diberi kuasa **Syarikat** akan dianggap sebagai notis kepada **Syarikat**.

(b) Bukti Kerugian

Bukti kerugian bertulis, termasuk tetapi tidak terhad kepada laporan perubatan, resit asal, laporan polis, dan bukti lain

seperti yang dikehendaki untuk menyokong tuntutan itu, mesti diberikan kepada **Syarikat** dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari **Tarikh Kerugian/Kemalangan**.

Kegagalan untuk memberikan bukti sedemikian dalam masa yang ditetapkan tidak akan membatalkan dan tidak mengurangkan sebarang tuntutan sekiranya mustahil untuk memberikan bukti dalam masa yang ditetapkan dengan syarat bukti sedemikian perlu diberikan secepat mungkin dan dalam apa keadaan pun, kecuali jika tiada keupayaan dari segi undang-undang, selewat-lewatnya satu (1) tahun dari masa bukti tersebut dikehendaki.

Semua dokumen dan bukti yang disediakan adalah atas perbelanjaan **Anda** atau orang yang layak menerima wang melalui **Anda**, mengikut mana-mana yang berkenaan ("**Pemohon**") dalam bentuk dan sifat yang ditentukan oleh **Syarikat**.

- (c) Walau apa pun yang bertentangan di sini, jika **Pemegang Polisi** adalah badan korporat yang membeli **Polisi** ini untuk menyediakan perlindungan insurans bagi pekerjanya, manfaat tersebut akan dibayar kepada **Pemegang Polisi**.

5. Pindaan

Syarikat berhak untuk meminda terma-terma dan syarat-syarat **Polisi** ini dan pindaan tersebut hanya akan berlaku jika dibenarkan oleh **Syarikat** dan disahkan di bawah **Polisi** ini.

Syarikat akan memberikan notis bertulis tiga puluh (30) hari sebelumnya kepada **Anda** mengikut alamat terakhir yang direkodkan sebelum sebarang pindaan berlaku. Sebarang pindaan akan berkuat kuasa dari pembaharuan **Polisi** ini yang seterusnya.

6. Pembaharuan Automatik (Hanya Untuk Polisi Tahunan Sahaja)

Sekiranya **Anda** memilih pembaharuan automatik bagi **Polisi Anda**, tertakluk kepada terma dan syarat **Polisi** ini dan bayaran premium yang perlu dibayar, **Polisi** ini akan diperbaharui pada setiap ulang tahun **Polisi** apabila tamat tempoh melainkan **Polisi** ini ditamatkan menurut perkara 9 (Penamatan Insurans).

Walaupun **Polisi** ini diperbaharui pada setiap ulang tahun **Polisi**, sekiranya berlaku sebarang perubahan dalam butiran yang diberikan untuk pengunderaitan **Polisi** ini atau sekiranya terdapat sebarang tuntutan yang timbul dalam tempoh sebelum **Polisi** ini diperbaharui, **Syarikat** berhak untuk menyemak semula terma **Polisi** ini, menyelaraskan premium, menolak pembaharuan atau menamatkan **Polisi** ini.

7. Kelayakan

Polisi ini akan melindungi **Anda** sekiranya **Anda**:-

- (a) Warganegara Malaysia atau pemastautin tetap Malaysia;
- (b) Pemegang permit kerja yang sah atau pemegang pas pelajar yang sah;
- (c) Bekerja secara sah di Malaysia atau menetap secara sah di Malaysia, dan pasangan serta anak/anak-anak **Anda** yang menetap secara sah di Malaysia layak untuk dilindungi di bawah **Polisi** ini, tertakluk kepada had umur untuk pelan yang berkaitan seperti yang dinyatakan di bawah:
 - (i) Pelan Dewasa/Pelan Dewasa Tahunan sekiranya **Anda** berumur lapan belas (18) tahun hingga tujuh puluh (70) tahun;

- (ii) Pelan Kanak-kanak/Pelan Kanak-kanak Tahunan sekiranya **Anda** berumur tiga puluh (30) hari hingga tujuh belas (17) tahun;
- (iii) Pelan Warga Emas sekiranya **Anda** berumur tujuh puluh satu (71) tahun hingga lapan puluh (80) tahun;
- (iv) Pelan Keluarga sekiranya **Pemegang Polisi** berumur (18) tahun hingga tujuh puluh (70) tahun, satu (1) pasangan yang sah yang berumur lapan belas (18) tahun sehingga tujuh puluh (70) tahun dan anak/anak-anak **Pemegang Polisi** yang berumur tiga puluh (30) hari hingga dua puluh empat (24) tahun.

8. Tujuan Perjalanan

Manfaat yang disediakan di dalam **Polisi** ini hanya akan terpakai untuk perjalanan yang bertujuan untuk percutian (melancong) atau perniagaan. **Kami** tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan bagi perjalanan yang bertujuan selain daripada percutian dan perniagaan.

Perjalanan yang bertujuan untuk perniagaan termasuk perjalanan untuk menghadiri mesyuarat perniagaan, seminar, ceramah atau acara yang berkaitan dengan perniagaan/pekerjaan **Anda** dan tidak termasuk penempatan, penugasan pendek atau panjang dan mana-mana aktiviti yang sama.

9. Penamatan Insurans

(a) Polisi Tahunan

Sekiranya **Polisi** ini merupakan **Polisi** tahunan, **Polisi** ini boleh dibatalkan seperti yang berikutny:

(i) Penamatan Oleh Pemegang Polisi

ika **Pemegang Polisi** memberi notis kepada **Kami** untuk menamatkan **Polisi** ini, penamatan tersebut akan berkuatkuasa pada tarikh notis diterima oleh **Kami** atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis itu, mana-mana yang kemudian. Sekiranya premium telah dibayar untuk sebarang tempoh yang melebihi tarikh penamatan **Polisi** ini, kadar tempoh pendek akan dipakai dengan syarat tiada sebarang tuntutan yang telah dibuat dalam **Tempoh Insurans** semasa itu.

Kadar Tempoh Pendek:

Tempoh Insurans (Tidak Melebihi)	Peratusan (%) Premium Tahunan yang Dikenakan
Dua (2) bulan atau kurang	40%
Tiga (3) bulan	50%
Empat (4) bulan	60%
Lima (5) bulan	70%
Enam (6) bulan	75%
Lebih daripada enam (6) bulan	100%

(ii) Penamatan Oleh Syarikat

Sekiranya **Kami** menamatkan **Polisi** ini menurut Syarat 3 (Salah Nyataan Atau Peninggalan Fakta Penting) atau dengan perintah pihak berkuasa atau pihak kerajaan, **Kami** akan memberi notis penamatan melalui pos berdaftar kepada **Pemegang Polisi** di alamat terakhir **Pemegang Polisi**. Penamatan ini akan berkuatkuasa tiga puluh (30) hari selepas tarikh notis tersebut. Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh yang melebihi tarikh

penamatan **Polisi** ini, premium pro-rata akan dikembalikan kepada **Pemegang Polisi** dengan syarat tiada sebarang tuntutan yang telah dibuat dalam dalam **Tempoh Insurans** ketika itu dan pemulangan tersebut tidak dilarang oleh undang-undang.

(b) Polisi Bukan Tahunan (Lawatan Tunggal)

Sekiranya **Polisi** ini bukan **Polisi** tahunan, **Pemegang Polisi** boleh menamatkan **Polisi** ini dengan memberikan notis kepada **Kami** untuk menamatkan **Polisi** ini dengan syarat bahawa **Tempoh Insurans** belum bermula semasa tarikh penamatan **Polisi** berkuatkuasa. Penamatan sedemikian akan berkuatkuasa pada tarikh notis diterima oleh **Kami** atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut, mana-mana yang terlebih dahulu. Sekiranya premium telah dibayar untuk sebarang tempoh melebihi tarikh penamatan, **Pemegang Polisi** berhak mendapat bayaran balik premium yang dibayar untuk **Polisi** ini.

(c) Peruntukan berikutnya mengenai penamatan automatik **Polisi** ini terpakai untuk **Polisi** tahunan dan **Polisi** bukan tahunan (lawatan tunggal), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(d) Penamatan Automatik

Perlindungan **Anda** akan luput/tamat secara automatik dalam mana-mana keadaan-keadaan awal berikut:

- (i) Apabila **Anda** di bawah Pelan Kanak-kanak, pada waktu tengah malam (waktu standard Malaysia) pada hari terakhir **Tempoh Insurans** walaupun **Anda** telah mencapai umur lapan belas (18) tahun pada bila-bila masa sepanjang **Tempoh Insurans**, atau apabila tamatnya **Polisi** Tahunan Kanak-kanak; atau
- (ii) Apabila **Anda** di bawah Pelan Dewasa, pada waktu tengah malam (waktu standard Malaysia) pada hari terakhir **Tempoh Insurans** walaupun **Anda** telah mencapai umur tujuh puluh satu (71) tahun pada bila-bila masa sepanjang **Tempoh Insurans**, atau apabila tamatnya **Polisi** Tahunan Dewasa; atau
- (iii) Apabila **Anda** di bawah Pelan Warga Emas, pada waktu tengah malam (waktu standard Malaysia) pada hari terakhir **Tempoh Insurans** walaupun **Anda** telah mencapai umur lapan puluh satu (81) tahun pada bila-bila masa sepanjang **Tempoh Insurans**; atau
- (iv) Apabila **Anda** di bawah Pelan Keluarga, pada waktu tengah malam (waktu standard Malaysia) pada hari terakhir **Tempoh Insurans** walaupun **Anda** telah mencapai umur dua puluh lima (25) tahun pada bila-bila masa sepanjang **Tempoh Insurans**; atau
- (v) Kematian **Anda**.

10. Kewajipan Penzahiran

(a) Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya **Pemegang Polisi** memohon Insurans ini sepenuhnya **bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan perniagaan atau profesion Pemegang Polisi**, **Pemegang Polisi** mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam borang cadangan dan semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh **Kami** dengan lengkap dan tepat serta mendedahkan apa-apa perkara lain yang **Pemegang Polisi** ketahui berkaitan dengan keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunakan jika tidak, ini boleh menyebabkan

kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. **Kewajipan penzahiran ini berterusan sehingga masa kontrak tersebut dimeterai, diubah atau diperbaharui.**

(b) Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya **Pemegang Polisi memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Pemegang Polisi, Pemegang Polisi** mempunyai kewajipan untuk menzahirkan apa-apa perkara yang diketahui oleh **Pemegang Polisi** yang berkaitan dengan keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunakan dan apa-apa perkara seorang yang munasabah dalam hal tersebut itu boleh dijangka tahu adalah berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. **Kewajipan penzahiran ini berterusan sehingga masa kontrak dibuat, diubah atau diperbaharui.**

(c) **Pemegang Polisi** juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada **Kami** dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak **Kami**, jika sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

11. Cukai Berkenaan

Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai "**Cukai Berkenaan**") yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barangan dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah **Polisi** ini, **Kami** berhak mengenakan sebarang **Cukai Berkenaan** seperti yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. **Cukai Berkenaan** yang perlu dibayar akan dibayar sebagai tambahan kepada premium dan caj-caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam **Polisi** ini mengenai pembayaran premium dan keingkaran akan turut digunapakai dengan **Cukai Berkenaan**.

12. Tunai Sebelum Perlindungan

Ia adalah syarat asas dan mutlak yang khusus di bawah **Polisi** ini bahawa premium mestilah dibayar dan diterima oleh **Kami** sebelum perlindungan bermula. Jika syarat ini tidak dipatuhi, maka **Polisi** akan terbatal dari tarikh bermulanya **Polisi**.

13. Undang-undang Yang Terpakai

Polisi ini dan semua hak, kewajipan dan liabiliti yang timbul di bawah ini, hendaklah ditafsirkan dan ditentukan dan boleh dikuatkuasakan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Mahkamah Malaysia mempunyai bidang kuasa eksklusif di sini.

Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti akan diambil untuk mendapatkan semula pampasan di bawah **Polisi** ini sebelum tamat tempoh sembilan puluh (90) hari selepas bukti kerugian secara bertulis telah diberikan mangkuk keperluan **Polisi** ini.

14. Penerimaan

Penerimaan apa-apa pampasan oleh **Orang Yang Diinsuranskan** atau wakil **Orang Yang Diinsuranskan** yang sah dari segi undang-undang, mana-mana yang mungkin, yang dibayar di bawah **Polisi** ini akan melepaskan dan menunaikan semua liabiliti **Syarikat**.

15. Bayaran Manfaat

- Bayaran apa-apa manfaat di bawah **Polisi** ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat di dalam **Polisi** ini. Manfaat yang perlu dibayar di bawah **Polisi** ini akan dibayar kepada **Anda**, tertakluk kepada Syarat 4(c)(Tuntutan) di mana manfaat akan dibayar kepada **Pemegang Polisi**. Manfaat yang perlu dibayar di bawah **Polisi** ini berkenaan dengan sebarang tuntutan oleh atau bagi pihak mana-mana anak/anak-anak yang diinsuranskan di bawah **Polisi** ini akan dibayar kepada **Anda** selaku individu yang telah membeli **Polisi** ini, dengan syarat **Anda** mempunyai kepentingan yang boleh diinsuranskan atas anak/anak-anak tersebut.
- Sebarang manfaat yang dibayar di bawah **Polisi** ini sekiranya berlaku kematian **Anda** akan dibayar kepada individu tersebut sebagaimana yang diarahkan oleh **Anda** secara bertulis atau kepada wakil peribadi sah **Anda** jika tiada arahan bertulis daripada **Anda**.
- Sekiranya manfaat dibayar untuk membayar balik sebarang perbelanjaan atau caj yang ditanggung oleh orang selain **Anda** yang dilindungi di bawah **Polisi** ini, tuntutan untuk pembayaran manfaat tersebut akan dibuat oleh **Anda**.

16. Kami tidak akan bertanggungjawab atas kegagalan untuk menyediakan perkhidmatan di bawah **Polisi** ini atau untuk kelewatan yang disebabkan oleh mogok atau keadaan di luar kawalan **Kami** termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan penerbangan atau di mana undang-undang tempatan atau agensi kawal selia tempatan melarang **Kami** daripada menyediakan perkhidmatan tersebut kepada **Anda**.

17. Lanjutan Tempoh Insurans

Tempoh Insurans bagi **Polisi** ini akan dilanjutkan secara automatik tanpa sebarang premium tambahan sehingga tambahan hari yang perlu dan munasabah seperti yang berikut:-

- Sehingga empat belas (14) hari sekiranya sebarang kenderaan, kapal laut atau kapal terbang yang **Anda** naiki dalam perjalanan sebagai penumpang yang memegang tiket telah tertunda, terbatal perjalanannya atau dijadualkan semula;
- Sehingga tiga puluh (30) hari jika **Perjalanan/Lawatan** yang dirancang terhalang disebabkan dari **Kecederaan** yang timbul daripada punca yang dilindungi di bawah **Polisi** ini;
- Sehingga empat belas (14) hari untuk satu (1) **Teman Perjalanan** (yang juga dinamakan sebagai **Orang Yang Diinsuranskan** di bawah jadual **Polisi**) yang bersama **Anda** jika **Perjalanan/Lawatan** Anda terhalang disebabkan **Kecederaan** terhadap **Anda**;
- Sehingga empat belas (14) hari untuk semua **Orang Yang Diinsuranskan** di bawah Pelan Keluarga yang bersama-sama menemani **Anda** jika perjalanan pulang **Anda** dari **Perjalanan/Lawatan** terhalang disebabkan **Kecederaan** terhadap **Anda**.

18. Kami berhak kepada semua hak kuasa subrogasi (berkenaan dengan pampasan yang dibayar kepada **Anda** di bawah **Polisi** ini) sama ada melalui ganti rugi (*indemnity*) atau sebaliknya dan **Anda** hendaklah memberikan semua maklumat dan segala bantuan mengikut kemampuan **Anda** kepada **Kami** berhubung dengan perkara tersebut dan melaksanakan mana-mana dokumen untuk penyerahan hak yang berkaitan seperti yang **Kami** mungkin perlukan secara munasabah.

19. PA-CL090 Limit Sekatan Dan Klausu Pengecualian

Tiada syarikat penanggung insurans/syarikat insurans bersama dianggap sebagai memberikan perlindungan dan tiada syarikat insurans/syarikat insurans bersama bertanggungjawab untuk

membayar apa-apa tuntutan atau memberi apa-apa manfaat di bawah ini, dimana pembayaran tuntutan atau penyediaan untuk manfaat berkaitan akan mendedahkan syarikat insurans/ syarikat insurans bersama itu kepada apa-apa sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan, ekonomi atau undang-undang atau peraturan- peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

20. Kebenaran Menggunakan Data Peribadi

(a) **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** mewakili dan menjamin bahawa jika dia mengemukakan maklumat yang berkaitan dengan **Orang Yang Diinsuranskan** atau individu lain kepada **Kami**, bahawa dia mempunyai kebenaran untuk memberikan maklumat yang berkaitan dengan **Orang Yang Diinsuranskan** atau individu lain tersebut, bahawa dia telah memberitahu **Orang Yang Diinsuranskan** atau individu lain tersebut mengenai tujuan maklumat peribadinya dikumpulkan, digunakan dan didedahkan serta pihak-pihak yang boleh menerima maklumat peribadi mereka berikutan pendedahan oleh **Kami**, dan bahawa **Pemegang Polisi**, **Orang Yang Diinsuranskan** atau individu lain bersetuju bahawa **Kami** boleh mengumpulkan, menggunakan, mendedahkan dan memproses maklumat peribadi (sama ada diperolehi semasa proses permohonan atau pentadbiran **Polisi** ini) mengikut Notis Privasi **Kami** seperti yang diterbitkan dari semasa ke semasa di allianz.com.my.

(b) **Peraturan Perlindungan Data Umum ("General Data Protection Regulation" atau "GDPR")**
Sekiranya ada **Orang Yang Diinsuranskan** ingin menggunakan hak **GDPR** mereka, **Pemegang Polisi** akan memberitahu **Orang Yang Diinsuranskan** untuk menulis kepada **Kami** di privacy@allianz.com.my agar **Kami** dapat menilai dan mematuhi Undang-undang Privasi EU – GDPR.

Bahagian 3 – Pengecualian Am

1. **Kami** tidak akan membayar untuk tuntutan yang disebabkan oleh atau berpunca daripada:-

- Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, dahagi atau kuasa ketenteraan atau rampasan kuasa, pemerintahan tentera, keadaan pengepungan tentera atau sebab yang menentukan pengisytiharan darurat atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan tentera, mogok, rusuhan atau kekacauan awam, sekatan atau ancaman peristiwa yang seumpamanya;
- Penutupan, kuarantin, pengasingan mandatori, perintah tinggal di rumah, perubahan dalam tahap amaran kerajaan atau sekatan seumpamanya yang dikenakan secara am atau umum (a) kepada sesetengah segmen atau semua populasi, kawasan geografi, bangunan atau kapal atau (b) berdasarkan ke, dari, atau melalui tempat orang itu melakukan perjalanan. Pengecualian ini terpakai walaupun perintah atau arahan secara khusus menetapkan **Anda** atau **Teman Perjalanan Anda** untuk dikuarantin atau dasingkan, melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam **Polisi** ini;
- Kelewatan, penyitaan, penahanan, pemerolehan, kerosakan, pemusnahan atau apa-apa peraturan larangan oleh kastam atau pegawai kerajaan atau pihak berkuasa lain di mana-

mana negara, termasuk apa-apa perintah am, arahan atau nasihat untuk tidak melakukan perjalanan yang dikeluarkan berkaitan atau berpunca daripada Covid-19;

- Pengionan, radiasi atau pencemaran radioaktif, senjata dan bahan nuklear, bahan letupan, toksik, radioaktif atau bahan berbahaya yang lain daripada apa-apa pemasangan bahan letupan nuklear atau komponen nuklear dan yang seumpamanya;
- Kehilangan atau kerosakan pada peralatan yang disewa atau dipajak;
- Aktiviti luar pesisir seperti menyelam bukan rekreasi, perlombongan, aktiviti di pelantar minyak, fotografi udara atau pengendalian bahan letupan;
- Anda** melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti ketenteraan laut, ketenteraan darat, ketenteraan udara, penguatkuasa undang-undang atau perkhidmatan pertahanan awam atau operasi, kerja manual berkaitan dengan apa-apa perdagangan, pekerjaan, atau profesion semasa **Perjalanan/Lawatan**;
- Anda** melibatkan diri dalam aktiviti penerbangan selain selaku penumpang yang membayar tambang;
- Anda** melibatkan diri secara langsung dalam mana-mana **Keganasan/Akta Keganasan**;
- Apa-apa kerugian akibat pertukaran mata wang dan yang seumpamanya;
- Perkhidmatan yang diberikan tanpa kebenaran **Kami** dan/atau campur tangan **Kami**;
- HIV (Virus Kurang Daya Tahan Penyakit) and/or apa-apa penyakit berkaitan dengan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) walau apapun puncanya dan/atau apa-apa derivatif mutan, variasinya atau rawatannya walau apapun puncanya;
- Rawatan atau perkhidmatan yang disediakan oleh spa kesihatan, rumah penjagaan atau pemulihan atau mana-mana pusat pemulihan;
- Anda** mendapat diagnosis terminal;
- Anda** membuat perjalanan bertentangan dengan nasihat perubatan atau dengan nasihat perubatan yang mana lawatan tersebut dibuat semata-mata dengan tujuan untuk mendapatkan rawatan;
- Anda** gagal untuk mendapatkan vaksinasi yang diperlukan sebelum berlepas;
- Apa-apa **Penyakit Wajib Laport** yang memerlukan pengasingan atau kuarantin oleh undang-undang, kecuali Covid-19 yang dirujuk dan dilindungi di bawah manfaat yang berikut: Pembatalan Deposit atau Perjalanan, Pemendakan Perjalanan, Kos Tambahan Pemulangan Kereta Sewa/ Campervan dan Hotel Haiwan Peliharaan;
- Anda** membunuh diri atau cubaan membunuh diri, mencederakan diri atau sengaja mendedahkan diri kepada bahaya (selain dalam percubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia) atau melakukan apa-apa tindakan jenayah;
- Anda** berada di bawah pengaruh dadah atau penyalahgunaan dadah kecuali dadah tersebut di ambil mengikut kebenaran preskripsi perubatan;
- Kandungan alkohol dalam sampel darah dan/atau urin melebihi had yang dibenarkan oleh undang-undang;
- Apa-apa kos rawatan berkaitan dengan melahirkan anak, keguguran, atau sebarang komplikasi kehamilan, melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung akibat **Kemalangan**;
- Penyakit Sedia Ada**, tetapi hanya terpakai untuk manfaat di bawah Seksyen 1, 2, dan 3;
- Penyakit** atau gangguan psikologi, gangguan mental dan saraf termasuk tetapi tidak terhad kepada kegilaan;

- (x) Menunggang/memandu tanpa lesen memandu yang sah (NOTA: Ini tidak akan terpakai di mana lesen **Anda** telah luput tetapi **Anda** tidak dibatalkan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu sedemikian di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau mana-mana undang-undang lain yang berkaitan); dan
 - (y) **Anda** melakukan perjalanan bertentangan dengan arahan dan nasihat mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam yang lain.
2. **Kami** tidak akan membayar tuntutan sekiranya **Anda** membeli **Polisi** ini dan membuat bayaran premium selepas **Anda** mengalami/ menyedari kerugian yang dilindungi di bawah **Polisi** ini.
 3. **Kami** tidak akan membayar tuntutan yang berpunca daripada **Anda** dijangkiti Covid-19 sekiranya status vaksinasi **Anda** di bawah aplikasi MySejahtera adalah selain daripada "Vaksinasi Lengkap" sebelum **Perjalanan/Lawatan Anda**.
 4. **Kami** tidak akan membayar tuntutan yang berpunca daripada:
 - (a) **Anda** menyertai **Aktiviti Berbahaya** kecuali jika sukan tersebut dilindungi di bawah Sukan Tambahan (Rider Pilihan 1) yang telah dibeli oleh **Anda**;
 - (b) **Anda** terlibat dalam latihan, mengambil bahagian atau berlatih dalam mana-mana pertandingan kelajuan atau perlumbaan, atau mana-mana pertandingan atau sukan profesional yang mana **Anda** boleh mendapat atau memperolehi atau menerima bayaran, penajaan, sumbangan atau apa-apa bentuk ganjaran kewangan;
 - (c) **Anda** menyertai atau berlatih untuk sebarang aktiviti sukan amatir atau pertandingan semasa **Perjalanan/Lawatan Anda**. Ini tidak termasuk penyertaan dalam pertandingan sukan rekreasi tidak formal dan perlawatan yang dianjurkan oleh penginapan, resort, atau kapal pesiar untuk menghiburkan tetamu mereka.
 5. Klausula Risiko Siber - Tanggung rugi yang dinyatakan dalam Seksyen 4.1, 5.1, 8.1, 9.1, 10.1, 11.1 dan 13.1 tidak akan terpakai bagi liabiliti yang berkenaan dengan sebarang tuntutan atau kerugian yang timbul daripada sebarang aktiviti dan/atau perniagaan yang dijalankan dan/atau diurus niaga melalui internet, extranet dan/ atau melalui laman web kepunyaan **Anda**, laman internet, alamat web dan/atau penghantaran dokumen melalui mel elektronik.

1.1	Kematian Akibat Kemalagn	1. Laporan perubatan daripada pengamal perubatan yang merawat;
1.2	Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan	2. Sijil kematian;
1.3	Perbelanjaan Pengebumian	3. Laporan bedah siasat, jika ada;
2.1	Perbelanjaan Perubatan	4. Laporan polis.
3.4	Rawatan Susulan	1. Laporan perubatan daripada pengamal perubatan yang merawat;
3.5	Pendapatan Hospital	2. Bil/resit perubatan asal;
3.6	Lawatan Ihsan	3. Sijil vaksinasi Covid-19;
4.1	Pembatalan Deposit atau Perjalanan	4. Salinan laporan perubatan atau laporan makmal menunjukkan pengesahan diagnosis Covid-19.
5.1	Pemendekan Perjalanan	1. Nota atau ringkasan kemasukan/ keluar hospital.
6.1	Bagasi Peribadi atau Barangan Peribadi	1. Laporan perubatan daripada pengamal perubatan yang merawat;
7.1	Kelewatan Bagasi	2. Sijil kematian;
8.1	Kelewatan Perjalanan	3. Laporan bedah siasat, jika ada;
		4. Bil/resit perubatan asal;
		5. Sijil vaksinasi Covid-19;
		6. Salinan laporan perubatan atau laporan makmal menunjukkan pengesahan diagnosis Covid-19;
		7. Pengesahan tempahan pengendalian pelancongan/penerbangan dan pengesahan pembatalan dan bayaran balik, jika ada;
		8. Resit asal untuk tuntutan perbelanjaan (penginapan, perjalanan, pelancongan, dan sebagainya);
		9. Bukti hubungan (contohnya sijil perkahwinan, sijil kelahiran).
		1. Salinan laporan daripada pihak yang berkuasa yang berkaitan;
		2. Laporan ketidaknormalan harta (property irregularity report) atau pengesahan bertulis dari pengangkutan umum mengenai kerugian bagasi/barangan peribadi;
		3. Resit asal semua jumlah yang dituntut. Jika tiada, kemukakan deskripsi barang bersama tarikh dan harga dibeli;
		4. Gambar barang yang rosak;
		5. Jika barang dihantar untuk dibaiki, resit asal untuk kos membaiki barang tersebut.
		1. Pengesahan dari pengangkutan umum mengenai tempoh kelewatan (dalam bilangan jam).

Bahagian 4 – Tuntutan

Langkah Penjagaan Yang Munasabah

Anda mesti melakukan segala mungkin yang munasabah untuk mengelakkan kerugian daripada berlaku atau apabila belakunya kerugian, **Anda** hendaklah memastikan kerugian tersebut dapat diminimumkan. Jika **Anda** tidak berbuat demikian, **Kami** berhak untuk mengurangkan tuntutan **Anda** mengikut jumlah prasangka yang **Kami** alami disebabkan kegagalan **Anda** untuk mengurangkan kerugian atau menolak keseluruhan tuntutan **Anda**.

Senarai semak mengenai dokumen yang diperlukan untuk membuat tuntutan

Seksyen	Manfaat	Dokumen diperlukan
Semua	Semua Tuntutan	1. Borang pembayaran yang diisi dengan lengkap;
		2. Salinan tiket penerbangan dan jadual perjalanan.

9.1	Terlepas Perjalanan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Resit asal untuk perbelanjaan yang dituntut (penginapan, perjalanan dan sebagainya); 2. Pengesahan bertulis dari pengangkutan awam berkenaan kegagalan untuk sampai ke destinasi (pelabuhan, lapangan terbang, stesen keretapi).
10.1	Terlepas Sambungan Perjalanan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengesahan dari pengangkutan umum mengenai kelewatan pengangkutan yang seterusnya.
11.1	Tempahan Perjalanan Berlebihan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengesahan bertulis dari pengangkutan umum mengenai tempahan penerbangan berlebihan.
12.1	Kos Tambahan Bagi Pemulangan Kereta Sewa/ Campervan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Laporan perubatan; 2. Sijil vaksinasi Covid-19; 3. Salinan laporan perubatan atau laporan makmal menunjukkan pengesahan diagnosis Covid-19; 4. Perjanjian asal kereta sewa; 5. Resit asal untuk kos tambahan kereta sewa/campervan.
13.1	Liabiliti Peribadi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Semua dokumen yang berkaitan daripada pihak ketiga.
14.1	Rampasan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengesahan bertulis daripada pengangkutan umum mengenai rampasan dan tempoh rampasan tersebut.
15.1	Wang Peribadi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Laporan polis.
16.1	Indemniti Kad Kredit/Kad Caj	<ol style="list-style-type: none"> 1. Laporan perubatan; 2. Salinan laporan daripada pihak yang berkuasa yang berkaitan; 3. Penyata kad kredit/kad caj.
17.1	Hotel Haiwan Peliharaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Resit asal untuk kos tambahan bagi hotel haiwan peliharaan; 2. Laporan perubatan; 3. Sijil vaksinasi Covid-19; 4. Salinan laporan perubatan atau laporan makmal menunjukkan pengesahan diagnosis Covid-19; 5. Pengesahan daripada pengangkutan umum mengenai kelewatannya.
18.1	Penjagaan Rumah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Laporan polis; 2. Salinan laporan daripada pihak yang berkuasa yang berkaitan.
19.1	Perlindungan Ekses Kereta Sewa	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perjanjian asal kereta sewa; 2. Laporan polis; 3. Resit asal untuk amaun yang dibayar.
21 (B)	Kerosakan Pada Peralatan Sukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Gambar kerosakan pada peralatan sukan; 2. Resit asal semua jumlah yang dituntut. Jika tiada, kemukakan deskripsi barang bersama tarikh dan harga dibeli; 3. Jika barang dihantar untuk dibaiki, resit asal untuk kos membaiki barang tersebut; 4. Laporan polis.

Sebagai tambahan kepada dokumen-dokumen yang disenaraikan dalam jadual di atas, **Anda** juga perlu memberikan kepada **Kami** sebarang dokumen yang lain sebagaimana yang dikehendaki oleh **Kami** dan hendaklah dalam apa-apa bentuk dan apa-apa jenis yang ditetapkan oleh **Kami**.

Bahagian 5 – Definisi

Kemalangan bermaksud sebarang peristiwa yang tiba-tiba atau tidak diduga akibat secara langsung dan bebas dari tindakan punca luaran, selain daripada akibat perbuatan **Kecederaan** diri yang dengan disengajakan.

Perubatan Alternatif bermaksud rawatan perubatan alternatif yang dijalankan oleh pengamal perubatan alternatif, selain daripada **Anda**.

Wakil Kami Yang Dibenarkan bermaksud wakil yang layak yang dilantik oleh **Kami** dari semasa ke semasa untuk menyediakan keputusan perubatan dan perkhidmatan yang mungkin diperlukan di bawah **Polisi** ini.

Pengangkutan Umum bermaksud mana-mana pengangkutan darat, laut atau udara yang dikendalikan di bawah lesen dan yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan berjadual yang tetap bagi individu yang melakukan perjalanan sebagai penumpang yang membayar tambang.

Syarikat bermaksud Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (No. Syarikat 200601015674 (735426-V)).

Tarikh Kerugian/Kemalangan bermaksud tarikh ketika salah satu daripada **Kecederaan** dan mana-mana kejadian lain yang dilindungi berlaku; dialami; dan/atau dijangkiti oleh **Orang Yang Diinsuranskan**.

Ahli Keluarga bermaksud satu (1) pasangan sah **Pemegang Polisi**, ibu bapa, ibu bapa mertua, datuk, nenek, datuk mertua, nenek mertua, moyang, anak kandung/anak angkat secara sah, cucu, cicit, adik beradik, abang ipar, adik ipar dan kakak ipar.

Kawasan Geografi bermaksud destinasi dijadualkan pilihan **Anda** di Malaysia.

Aktiviti Berbahaya bermaksud aktiviti mendaki gunung, turun cenuram atau memanjat batu yang memerlukan penggunaan tali dan peralatan pendakian yang lain, menembak bebola cat, memanjat dalam ruangan tertutup, terbang atau aktiviti udara lain, perlumbaan (selain perlumbaan menggunakan kaki), aktiviti sukan profesional dan apa-apa jenis pertandingan, apa-apa aktiviti percutian sukan yang ditaja dan apa-apa aktiviti lain yang memerlukan tahap kemahiran tertentu dan melibatkan pendedahan kepada risiko.

Rampasan bermaksud pengambilan dan ambil alih kawalan pengangkutan awam yang menyalahi undang-undang dari kakitangan terbabit dengan menggunakan kekerasan atau ugutan kekerasan.

Rumah bermaksud tempat kediaman **Anda** di Malaysia.

Penyakit bermaksud sebarang kemerosotan kesihatan secara tiba-tiba dan tidak dijangka yang disahkan oleh **Pengamal Perubatan** termasuk Penyakit Coronavirus 2019 (Covid-19) dengan syarat diagnosis Covid-19 disokong dengan salinan laporan perubatan atau laporan makmal yang mengesahkan diagnosis Covid-19.

Kecederaan bermaksud **Kecederaan** anggota badan yang disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh **Kemalangan**.

Orang Yang Diinsuranskan bermaksud setiap orang yang dinamakan dalam jadual **Polisi**.

Perjalanan/Lawatan bermaksud **Perjalanan/Lawatan** yang bermula apabila **Anda** bertolak dari **Rumah** atau tempat perniagaan **Anda** di Malaysia ke tempat bertabuh untuk memulakan perjalanan ke destinasi yang dirancang yang berada di dalam skop **Kawasan Geografi**, dengan syarat bahawa **Perjalanan/Lawatan** tidak bermula lebih dari dua puluh empat (24) jam sebelum masa berlepas yang ditempah atau dijadualkan dan terhenti apabila berlaku perkara berikut:

- (i) Sebaik ketibaan **Anda** di destinasi akhir yang dirancang di Malaysia; atau
- (ii) Sebaik tamat **Tempoh Insurans** seperti yang dinyatakan dalam jadual **Polisi**; mana-mana yang lebih awal; atau
- (iii) Tidak lebih dua puluh (24) jam selepas ketibaan **Anda** di Malaysia yang mana perjalanan kembali **Anda** ke destinasi akhir yang dirancang bermula atau berterusan selepas tamat **Tempoh Insurans Anda**.

Tempoh untuk setiap **Perjalanan/Lawatan** tidak boleh melebihi tiga puluh (30) hari berturut-turut dari tarikh permulaan **Perjalanan/Lawatan**.

Bagi **Perjalanan/Lawatan** sehala, perlindungan di bawah **Polisi** ini akan terhenti sebaik **Anda** tiba di destinasi yang dirancang atau dua puluh empat (24) jam selepas ketibaan **Anda**, mana-mana yang lebih awal, tanpa mengira Tempoh Insurans seperti yang dinyatakan dalam jadual **Polisi**.

Pengamal Perubatan bermaksud **Pengamal Perubatan** berdaftar yang dilesenkan oleh pihak berkuasa perubatan negara di mana rawatan diberikan dan beliau sedang mengamalkan profesinya mengikut skop perlesenan dan latihannya, tetapi tidak termasuk **Pengamal Perubatan** yang merupakan **Orang Yang Diinsuranskan** itu sendiri.

Bencana Alam bermaksud kejadian buruk yang besar terhasil daripada proses semula jadi bumi seperti banjir, puting beliung, taufan, kebakaran hutan liar, letusan gunung berapi, gempa bumi gelombang haba, tsunami, ribut pasir atau tanah runtuh.

Penyakit Wajib Laport bermaksud **Penyakit** yang dialami oleh **Orang Yang Diinsuranskan** akibat oleh pandemik influenza dan apa-apa **Penyakit** yang lain (tidak termasuk Covid-19) atau **Penyakit** yang telah diisytiharkan sebagai pandemik atau epidemik atas perintah pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan atau pihak berkuasa kesihatan awam yang diiktiraf.

Tempoh Insurans bermaksud tempoh apabila **Orang Yang Diinsuranskan** diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual**, tertakluk kepada terma dan syarat serta pengecualian **Polisi** ini.

Barangan Peribadi bermaksud **Barangan Peribadi** milik **Anda**, yang dibawa bersama **Anda** semasa **Perjalanan/Lawatan** atau yang diperolehi oleh **Anda** semasa **Perjalanan/Lawatan**.

Bagasi Peribadi bermaksud setiap beg pakaian atau bagasi **Anda** yang seumpamanya dan barangan di dalamnya yang dibawa oleh **Anda** semasa **Perjalanan/Lawatan**.

Wang Peribadi bermaksud wang kertas bank dan nota wang, wang tunai, cek, wang pos dan kiriman wang, setem pos semasa, cek kembara, kupon atau baucer yang mempunyai nilai kewangan yang semuanya dipegang untuk kegunaan peribadi **Anda** semasa **Anda** berada luar dari **Rumah Anda** dan sentiasa dalam jagaan **Anda** pada setiap masa melainkan disimpan di dalam peti besi hotel.

Polisi bermaksud dokumen polisi ini, jadual **Polisi**/sijil insurans di mana perincian perlindungan termasuk butiran berkaitan dengan Pemegang **Polisi** dan **Orang Yang Diinsuranskan** dinyatakan, dan semua endorsan yang dilampirkan pada **Polisi** ini.

Pemegang Polisi bermaksud seseorang atau badan korporat seperti yang diterangkan dalam jadual **Polisi** yang mana **Polisi** ini telah dikeluarkan bagi perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan**.

Penyakit Sedia Ada bermaksud sebarang keadaan di mana **Anda** mendapatkan atau menerima rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis, konsultasi dan/atau ubat-ubatan dalam tempoh dua belas (12) bulan sebelum **Perjalanan/Lawatan** dimulakan.

Penyakit Serius bermaksud:

- (a) Sesuatu **Penyakit** (termaksud Covid-19) yang disahkan oleh **Pengamal Perubatan** yang dialami dan menyebabkan **Anda** tidak sesuai untuk melakukan atau meneruskan **Perjalanan/Lawatan** dan memerlukan **Anda** menerima rawatan; atau
- (b) Berkenaan dengan orang selain **Anda**, Kecederaan atau **Penyakit** (termasuk Covid-19) disahkan oleh **Pengamal Perubatan** yang boleh mengancam nyawa.

Keadaan Penyakit Serius bermaksud keadaan pada pendapat pihak **Kami** atau **Wakil Kami Yang Dibenarkan** atau wakil yang dilantiknya, yang merupakan kecemasan perubatan yang serius atau mengancam nyawa yang memerlukan pemindahan segera bagi mendapatkan rawatan pemulihan segera untuk mengelakkan belakunya kematian atau gangguan serius kepada **Anda** dalam masa terdekat atau dalam jangka panjang.

Peranti Pintar bermaksud peranti elektronik, seperti telefon pintar, tablet, iPad, komputer atau komputer riba dan peralatan yang seumpamanya.

Keganasan/Akta Keganasan adalah suatu perbuatan, termasuk penggunaan kekerasan atau keganasan oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak secara bersendirian atau bagi pihak atau mempunyai kaitan dengan mana-mana organisasi yang dilakukan untuk tujuan politik, agama atau ideologi termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletakkan penduduk awam dalam ketakutan terhadap tujuan tersebut.

Teman Perjalanan bermaksud individu yang didaftarkan bersama-sama dalam **Perjalanan/Lawatan** dengan **Anda**.

Anda/Kamu bermaksud **Orang Yang Diinsuranskan**.

Kami/Kita bermaksud **Syarikat**.



Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Mukasurat Ini Sengaja Dibiarkan Kosong

Penyerahan Aduan

Kami berdedikasi untuk meningkatkan dan mengekalkan tahap perkhidmatan yang tinggi, jujur, penuh kebolehpercayaan dan amanah. Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan mana-mana produk atau perkhidmatan kami, kami ingin mendengarnya daripada anda. Maklum balas anda sangat penting kepada kami kerana kami sentiasa mencari peluang untuk memperbaiki mutu perkhidmatan kami.


Untuk memberi sebarang maklum balas, anda bolehlah menghubungi kami melalui saluran-saluran berikut:

Secara bertulis:

Pusat Maklumbalas Pelanggan, Allianz Arena, Tingkat Bawah Blok 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

 1 300 22 5542



 AllianzMalaysia



customer.service@allianz.com.my



allianz.com.my

Saluran untuk Penyelesaian Aduan

Anda boleh mengemukakan aduan anda kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) jika anda tidak berpuas hati dengan balasan atau keputusan akhir kami sekiranya aduan anda berada di dalam skop OPK serta ambang monetari berikut:

(1) Tuntutan insurans tidak melebihi RM250,000.00; dan

(2) Kerosakan harta pihak ketiga bagi tuntutan insurans motor tidak melebihi RM10,000.00.

OFS boleh dihubungi di alamat berikut:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan, Level 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

 03 2272 2811



03 2272 1577



enquiry@ofs.org.my



ofs.org.my


Jika aduan anda berada di luar bidang OPK, anda bolehlah merujuk aduan anda kepada Laman Maklumat Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia (BNM) di alamat berikut:

Secara Bertulis (BNMTELELINK):

Pengarah, LINK & Pejabat BNM, Bank Negara Malaysia, Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur.

Secara Bersemuka (BNMLINK):

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, Bank Negara Malaysia, 50480 Kuala Lumpur.

 1 300 88 5465



03 2174 1515



bnmtelelink@bnm.gov.my



bnm.gov.my

Anda boleh merujuk dengan Pusat Maklumbalas Pelanggan kami mengenai jenis aduan yang dikendalikan oleh OPK atau BNM sebelum mengemukakan aduan anda kepada mereka.

Wakil Sah Talian Kecemasan 24-Jam

603 7628 3919

603 7965 3919

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena, Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Pusat Hubungan Allianz: 1 300 22 5542 E-mel: customer.service@allianz.com.my   AllianzMalaysia  allianz.com.my

